

PENDIDIKAN AKHLAK KEPADA ALLAH SWT NADI PENGGERAK PEMBANGUNAN PERADABAN INSAN

Kamarul Azmi Jasmi
Mohd Ismail Mustari
Ahmad Kilani Mohamed

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Mustari, M. I., & Mohamed, A. K. (2004). Pendidikan Akhlak kepada Allah SWT Nadi Penggerak Pembangunan Peradaban Insan in Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004) – City Bayview Hotel, Langkawi pada, 04-06 Sep. 2004, anjuran Universiti Utara Malaysia, pp 1-9.

ABSTRACT

Pendidikan akhlak kepada Allah SWT (PAKA) merupakan nadi penggerak kepada aspek Pendidikan Pembangunan Insan yang terpenting dalam Pendidikan Islam. Kesempurnaan pendidikan akhlak ini menjadi pemangkin untuk membentuk manusia menjadi insan yang sempurna dalam segala aspek terutamanya dalam aspek kerohanian. Al-Imam Al-Nawawi melalui karyanya, Kitab Riyad al-Solihin, membicarakan secara terperinci aspek AKA ini. Beliau telah menyenaraikan sebanyak 22 PAKA yang terdiri kepada tiga pembangunan iaitu AKA melalui pembangunan hati, pembangunan pemikiran dan pembangunan tindakan. Kesemua AKA ini berkait rapat antara satu sama lain yang mampu memperkuat dan memperkukuhkan aspek kerohanian dan peribadi insan soleh.

REFERENCES

- Abdullah Basmeih (1982). *"Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran."* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Daud (1994). *Sunan Abi Baud*. Bairut: Dar al-Fikr. Jii. 2.
- Al-Bukhari (1994). *Sabih Al-Bukhari*. Beirut: Jii. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah. Jilid 1-5.
- Al-Bukhari (1994). *Sabih Al-Bukhari*. Beirut: Jii. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah.
- Al-Bustani, Fuad Afram, (1956). *Munjid al-Tullab*. Bairut: Dar al-Masriq.
- Al-Ghazali (1988). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kuala Lumpur: Victory Ajensi. Jii. 1-8.
- Al-Nasa'i, (1930). *Sunan al-Nasa 7 bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiyah al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi (1983). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Bukhari (1994). *Sabih Al-Bukhari*. Beirut: Jii. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah.
- Al-Tarmidzi (1994). *Sunan al-Tarmidzi*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 1-5. Ibnu Majah (1954). *Sunan Ibnu Majah*. Mesir: Dar al-Fikr. Jilid 1-2.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, Ruskam, Aminuddin, *et al.* 2003. Pengaruh Pemikiran al-Imam al-Nawawi Di Kalangan Guru-guru Takmir Di Negeri Johor. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Saleh b. Lebar (1999). *Asas Psikologi Perkembangan*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muslim (1981). *Sabih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*. Bairut: Dar al-Fikr.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi (2001). *Sabih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Mustafa Said Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Al-Ustaz Mahyuddin Mustawin, Al-Ustaz Ali Al-Syirbiji dan Al-Ustaz Muhammad Amin Lutfi, (1992). *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bairut: Mu'assah al-Risalah. Juzuk 1-2.
- Mustafa Said Al-Khin. *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bairut: Mu'assah al-Risalah. Juzuk 1-2

PENDIDIKAN AKHLAK KEPADA ALLAH SWT NADI PENGGERAK PEMBANGUNAN PERADABAN INSAN*

Kamarul Azmi Jasmi
Mohd Ismail Mustari
Ahmad Kilani Mohamed
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Pendidikan akhlak kepada Allah SWT (PAKA) merupakan nadi penggerak kepada aspek Pendidikan Pembangunan Insan yang terpenting dalam Pendidikan Islam. Kesempurnaan pendidikan akhlak ini menjadi pemangkin untuk membentuk manusia menjadi insan yang sempurna dalam segala aspek terutamanya dalam aspek kerohanian. Al-Imam Al-Nawawi melalui karyanya, Kitab Riyad al-Solihin, membicarakan secara terperinci aspek AKA ini. Beliau telah menyenaraikan sebanyak 22 PAKA yang terdiri kepada tiga pembangunan iaitu AKA melalui pembangunan hati, pembangunan pemikiran dan pembangunan tindakan. Kesemua AKA ini berkait rapat antara satu sama lain yang mampu memperkuat dan memperkukuhkan aspek kerohanian dan peribadi insan soleh.

1.0 PENGENALAN

Pembentukan insan yang soleh dan kamil menjadi satu cabaran baru ibu bapa dan pendidik yang dipertanggungjawabkan dalam mendidik Pendidikan Islam dalam era pasca modenisme. Peningkatan jenayah Juvana seperti membunuh, mencuri, bersabit dengan orang, kesalahan jantina, melanggar ordinaran tahanan, judi, melanggar undang-undang kecil perbandaran, lalu-lintas, tidak terkawal dan lain-lain sebagaimana yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jadual 1), menjadikan ibu bapa dan pendidik terutamanya guru pendidikan Islam banyak dipersalahkan kerana tidak dapat mendidik anak-anak dan para pelajarnya menjadi manusia yang berguna.

Jadual T: Jumlah Juvana Melqyu Pari 1996-2001

Tahun	Juvana Melayu
1996	2,564
1997	2,825
1998	3,836
1999	3,792
2000	3,442
2001#	1,107

Sehingga Jun 2001, Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagaimana untuk membentuk anak-anak menjadi manusia yang soleh? Merupakan persoalan yang selalu ditanyakan dalam mendidik generasi era pasca modenism ini. Jawapan

* Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004) – City Bayview Hotel, Langkawi pada, 04-06 Sep. 2004, anjuran Universiti Utara Malaysia.

kepada persoalan ini sudah terjawab dengan mudahnya sebagaimana yang diterjemahkan oleh pendidikan Rasulullah s.a.w. kepada masyarakat Jahiliyyah sehingga membentuk satu umat yang terbaik. Hal ini diperakukan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri dalam sabdanya,

عَمْرَانُ بْنُ حَصِينٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرَكُمْ قَرْنِي ثُمَّ
الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ

"Daripada Imran b. Husain r.a. katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sebaik-baik kamu yang berada sekurun denganku kemudian golongan kurun yang berikutnya, kemudian golongan kurun yang berikutnya."

(Al-Bukhari, 1994: 222/7)

Hadis menjelaskan bagaimana Pendidikan Rasulullah s.a.w. membentuk para sahabatnya sehingga menjadi sebaik-baik umat. Kebaikan umat ini dimanfaatkan sehingga ke generasi yang ketiga.

Dalam membicarakan Pendidikan Rasulullah s.a.w. ini, seorang tokoh yang ulung umat Islam yang terkenal iaitu al-Imam al-Nawawi telah membicarakan secara mendalam aspek-aspek asas Pendidikan Islam yang perlu diperkukuhkan agar kemampuan rohani mampu untuk memelihara diri daripada pengaruh luaran yang tidak baik.

Menurut paradigma beliau menjelaskan bahawa terdapat 22 Pendidikan akhlak Kepada Allah SWT yang perlu ditanamkan dalam diri individu insan agar asas atau tapak yang kukuh ini pula mampu untuk membina pembangunan insan yang menyeluruh atau soleh dalam erti kata yang sebenarnya. Pendidikan akhlak kepada Allah SWT ini terkandung dalam tiga aspek pula iaitu: pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui pemikiran; Pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui hati dan pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui tindakan.

Pendidikan akhlak kepada Allah S.W.T melalui fikiran adalah tiga etika iaitu, tafakkur, mengingati maut, dan memendekkan angan-angan.

Manakala pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui sifat-sifat hati yang terkandung 15 sifat iaitu: keikhlasan dan kehadiran niat, taubat, sabar, benar, qana'ah, bersyukur, muraqabah, yaqin dan tawakkal, takut dan harap, warak dalam perkara syubhat, takwa, istiqamah, berpegang kepada perintah Allah SWT dan menangis kerana takutkan kepadaNya dan rindu kepadaNya.

Pendidikan akhlak kepada Allah S.W.T melalui tindakan terdiri dalam empat sifat iaitu: sifat bersegera kepada kebaikan dan bersungguh-sungguh, menjaga sunnah Rasulullah s.a.w, zuhud di dunia, memperbanyakkan perkara berkat dan menambahkan kebajikan ketika umur tua (Kamarul Azmi, 2003).

2.0 PERANAN SIFAT-SIFAT PENDIDIKAN AKHLAK KEPADA ALLAH DALAM PEMBENTUKAN PERIBADI INSAN SOLEH

Syaitan dan nafsu merupakan halangan utama pembentukan manusia soleh. Syaitan sentiasa memandu manusia untuk membuat sesuatu yang bertentangan dengan kehendak tatasusila dan agama sebagaimana janjinya kepada Allah SWT yang diceritakan sendiri dalam firmanNya yang berbunyi:

قَالَ رَبِّ مَا أَغْوَيْتَنِي لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَلَا أَغْوِيَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٦٠﴾

"Iblis berkata: "Wahai Tuhanku Kerana Engkau telah menjadikan aku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya."

(Surah al-Hijr, 15:39)

Begitu juga dengan nafsu sentiasa mengarahkan manusia untuk melakukan kemungkaran sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi:

وَمَا أُرِيُّ نَفْسِي ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ ۗ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي ۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٢٠﴾

"Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

(Surah Yusuf, 12:53)

Justeru, Pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui pencapaian tiga aspek iaitu pemikiran, hati dan tindakan aspek di atas menurut paradigma al-Nawawi mengambil peranan utama untuk membentuk peribadi yang tinggi dan soleh.

2.1 Peranan pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui pemikiran

Pemikiran manusia merupakan tempat memproses maklumat yang datang daripada mata, telinga, bau dan sentuh. Pemikiran yang benar akan memuat turun kepada hati dengan kebenaran dan pemikiran yang rosak akan memuat turun kesesatan kepada hati. Justeru itu, pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui tafakkur, mengingati maut dan memendekkan angan-angan merupakan senjata ampuh yang mampu membendung kepada kerosakan pemikiran setiap insan.

Pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui tafakkur sebagai contoh mampu mencelikkan hati tentang kebenaran hakikat Allah SWT selaku pencipta dan agama sebagai dasar peraturan-Nya untuk manusia. Allah SWT telah berfirman,

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٠٢﴾

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ

وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٠٣﴾

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kamil Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azabneraka. "

(Surah Ali Imran: 190-191)

Dalam firman-Nya yang lain pula Dia memerintahkan kepada baginda,

قُلْ إِنَّمَا أَعْطِيكُمْ بِوَحْدَةٍ أَنْ تَقُومُوا لِلَّهِ مِثْلَىٰ نَفْسِكُمْ وَأَنْ تَتَفَكَّرُوا مَا بِصَاحِبِكُمْ
مِنْ جِنَّةٍ إِنَّ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَّكُمْ بَيْنَ يَدَيْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿١٩١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Aku hanyalah mengajar dan menasihati kamu dengan satu perkara sahaja, iaitu: hendaklah kamu bersungguh-sungguh berusaha mencari kebenaran kerana Allah semata-mata, sama ada dengan cara berdua (dengan orang lain), atau seorang diri; kemudian hendaklah kamu berfikir sematang-matangnya (untuk mengetahui salah benarnya ajaranKu)".

(Surah Saba', 34:46)

Ayat pertama di atas dengan jelas meminta manusia mencari kebenaran melalui tafakkur terhadap segala kejadian langit dan bumi serta kejadian-kejadian alam untuk melihat kekuasaan Allah SWT selaku Tuhan sebenar bagi sekalian alam. Tafakkur yang mendalam terhadap alam ini mampu memberikan input tentang kekuasaan-Nya sehingga mampu menurunkan rasa kekaguman terhadap diri-Nya yang Maha Berkuasa lagi Maha Agung ke dalam hatinya. Kekaguman kekuasaan-Nya seterusnya akan mendatangkan rasa hati tentang perlu untuk mencari cara kehidupan yang diredainya.

Ayat yang kedua pula sekali lagi Allah SWT memerintahkan hambanya berfikir pula tentang ajaran-ajaran yang dibawakan Nabi Muhammad s.a.w. Adakah ajaran yang dibawa baginda itu direka-reka sendiri untuk kepentingan bagiitda sendiri atau ajaran itu merupakan ajaran yang diturunkan Allah SWT untuk kesejahteraan pengamalnya? Tafakkur terhadap persoalan ini boleh mencelikkan akal untuk meningkatkan keazaman hati untuk kembali kepada Allah SWT dan mengikuti ajaran-ajaran yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w.

Selain tafakkur, mengingati maut dan mengurangkan angan-angan yang juga pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui pemikiran juga mampu memberikan kegerunan kepada hati daripada melakukan maksiat atau degil terhadap perintah Allah SWT. Satu hadis ada berbunyi (Al-Tarmidzi 1994: 138/4, Al-Nasa'i, 1930:4/4),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْثَرُ مَا ذَكَرَ هَٰذِمِ اللَّذَاتِ يَعْنِي
الْمَوْتَ

*"Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda,
"Perbanyakkan mengingati yang memutuskan kelazatan iaitu maut.*

(Al-Tarmidzi dan Al-Nasa'i)

Hadis ini menunjukkan galakkan Rasulullah s.a.w. supaya berfikir dengan sesuatu yang memutuskan keinginan untuk berseronok-seronok. Kerana kehidupan orang yang mengutamakan keseronokan merupakan punca manusia banyak terjerumus kepada perkara yang dilarang oleh agama atau melanggar perintah agama. Ini kerana apabila manusia berfikir tentang maut yang sentiasa menunggu saat menerkam dirinya, menyebabkan hatinya

merasa takut untuk melakukan maksiat dan sentiasa untuk melakukan ketaatan agar mati dalam husnul al-Khatimah (Mustafa Said Al-Khin, *etal*, 1992:424/1).

Menanamkan pendidikan akhlak kepada Allah SWT dengan mengingati mati ini kepada pemikiran dianggap oleh Rasulullah s.a.w. sebagai manusia yang bijak. Sedangkan sebaliknya pula yang banyak berangan-angan dan suka berseronok-seronok dengan mengikut hawa nafsu adalah dianggap oleh baginda merupakan orang yang lemah. Shaddad meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda (Al-Tarmidzi, 1994:187/4, IbnuMajah, 1954:1423/2),

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتَبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ

Shaddad bin Aus menyatakan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "*Sebijak-bijak manusia siapa yang muhasabah diri dan beramal untuk selepas mati, dan manusia yang lemah pula siapa yang mengikut hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah SWT (akan melayannya dengan baik tanpa beramal kepada-Nya)*"

(Al-Tarmidzi dan IbnuMajah)

Keterangan di atas sudah jelas peranan pendidikan akhlak kepada Allah melalui pemikiran banyak membantu hati mendapat kebenaran seterusnya membentuk, mendidik dan mencorakkan hati dengan didikan akhlak kepada Allah SWT melalui hatinya pula.

2.2 Pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui hati

Menurut paradigma al-Imam al-Nawawi (1983) bahawa kepentingan hubungan pendidikan akhlak kepada Tuhan melalui hati sememangnya merupakan asas kepada pembangunan insan yang menyeluruh termasuk pembentukan tindakan material dan jasmani. Ini kerana pendidikan akhlak kepada Allah seperti keikhlasan dan kehadiran niat hanya kepada Allah SWT; sabar terhadap segala ujian-Nya; benar atau membenarkan ajaran-Nya dan ajaran rasul-Nya; qana'ah iaitu merasa cukup dengan pemberian-Nya; bersyukur terhadap anugerahnya; muraqabah iaitu sentiasa berjaga-jaga dalam tindakan dan kelakuan kerana merasa sentiasa diperhatikan-Nya; yaqin terhadap pertolongan-Nya dan tawakkal iaitu pergantungan penuh terhadap-Nya dalam setiap pekerjaan yang telah dilaksanakan; takut terhadap azabnya di dunia dan akhirat apabila melakukan kejahatan dan harap terhadap syurganya terhadap segala amalan baik; warak dalam perkara haram dan syubhat; takwa iaitu sentiasa mentaati-nya dalam menjalankan perintahnya dan meninggalkan larangannya kerana takutkan pembalasan-Nya; istiqamah iaitu sentiasa memastikan diri berada di landasan perintahnya; berpega'ng kepada perintah Allah SWT dan menangis kerana takutkan kepada-Nya; rindu kepadaNya dan taubat iaitu sentiasa kembali kepada-Nya apabila terbabas dari jalan-Nya, merupakan pendidikan akhlak yang membentuk kesepaduan dan kemantapan iman yang tidak boleh diganggu gugat lagi sama ada dengan nafsu dan syaitan. Keimanan yang terpancar kesan daripada pendidikan akhlak kepada Allah melalui hati ini seterusnya memberikan impak kepada tindakan, kelakuan, sikap dan peribadi. Hal ini sudah dipertegaskan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri yang menyebut (Al-Bukhari, 1994: 22/1 dan Muslim 206/3),

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

"Ingatlah! Sesungguhnya didalam tubuh manusia itu ada segumpal daging, apabila ia baik maka baiklah seluruh tubuhnya dan jikalau ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuhnya, tidak lain dan tidak bukan itulah yang dikatakan hati "

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadith di atas menegaskan bagaimana peranan hati dalam menentukan segala tindakan manusia. Hati yang terdidik dengan iman yang terbina daripada pendidikan akhlak kepada Allah SWT yang sempurna akan memancarkan tingkah laku yang baik. Hal ini ada dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya (Al-Bukhari, 1994: 104/7 dan Muslim, 2001: 43/1),

عَنْ أَبِي شُرَيْحٍ الْخُزَاعِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ فَلْيُحْسِنْ إِلَى جَارِهِ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَسْكُتْ

"Daripada Abu Suraih al-Khuzai bahawa Nabi s.a.w bersabda, "Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, sudah pasti dia akan memuliakan tetamimya dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, sudah pasti dia akan menghubungkan silatulahim, dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari akhirat, sudah pasti dia akan berkata yang baik atau dia hanya diam. "

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadith ini menunjukkan bahawa keimanan kepada Allah S.W.T di dalam hati seseorang merupakan asas untuk membentuk peribadi seseorang yang memungkinkannya melakukan kebaikan kepada sesama manusia. Kebaikan yang datang daripada peribadi dan tindakan yang betul memberikan implikasi yang baik juga kepada aspek pengurusan yang lain seperti pengurusan material, organisasi dan lain-lainnya.

Sebaliknya tidak mempunyai pendidikan akhlak kepada Allah SWT di dalam hatiya yang menyebabkan hilang cahaya iman, menyebabkan tindakan juga akan menjadi rosak. Ini adalah kerana hati menjadi asas kepada pembentukan pendidikan akhlak luaran dan segala pembangunan yang lain (Al-Nawawi, 1983: 199). Rasulullah s.a.w. pernah bersabda (al-Bukhari, 1994: 146/3; Muslim, 2001: 46/1),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهُوَ
مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرِقُ السَّارِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرِبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرِبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ

"Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, "Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidak berzina penzina ketika sedang berzina sedangkan dia adalah mukmin, tidak minum arak ketika dia minum sedangkan dia adalah mukmin dan begitu juga

tidak mencuri seorang pencuri sedangkan dia adalah mukmin, begitu juga tidak mencuri ketika dia mencuri sedangkan dia adalah mukmin"

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini bermaksud tindakan atau kelakuan seseorang dan hatinya saling berkait rapat antara sama lain. Orang yang berzina, meminum minuman keras dan mencuri berlaku kerana hilangnya sinar keimanan di dalam hatinya. Ini adalah kerana Hati merupakan raja bagi segala anggota badannya dan tindakannya.

Peranan pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui hati dalam pendidikan pembangunan insan akan melahirkan perkara-perkara berikut:

2.2.1 Benci dan takut kepada maksiat

Pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui hati dengan perantaraan keikhlasan dan kehadiran niat, taubat, muraqabah, takut dan harap, warak, takwa, istiqamah dan rindu kepada-Nya membentuk hati individu terhadap iman yang mantap untuk benci dan takut kepada maksiat. Semua pendidikan akhlak ini menyebabkan hati sentiasa berada dalam kebimbangan untuk menyimpan keinginan melakukan dosa apatah lagi melakukannya. Ini adalah kerana hatinya dirasakan tidak boleh lari daripada pengetahuan Allah SWT, takutkan azab dan sentiasa berwaspada supaya tidak tergelincir daripada jalan kebenaran (Al-Nawawi, 1983).

Bahkan kekuatan iman yang disinari pendidikan akhlak ini akan memberikan kesan kepada perlakuan maksiat yang ternampak oleh dirinya dengan tindakan hati untuk menghalang sama ada dengan kuasa dan nasihat. Sekurang-kurangnya hati akan membenci maksiat tersebut yang merupakan tahap keimanan yang paling rendah. Rasulullah s.a.w. ada bersabda (Muslim, 2001: 44/1),

عن أبي سعيد يقول سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول من رأى منكم منكراً فليغيره بيده فإن لم يستطع فبلسانه فإن لم يستطع فبقلبه وذلك أضعف الإيمان

"Daripada Abu Saïd al-Khudri r.a. katanya, "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesiapa yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubah dengan tangannya, jika dia tidak berkuasa, hendaklah dia mengubah dengan lidahnya dan sekiranya dia masih tidak berkuasa, hendaklah dengan hatinya dan tahap ini merupakan selemah-lemah iman."

(Muslim)

Hadis ini menjelaskan bahawa jika iman ada tertanam di hati sudah tentu sekurang-kurangnya dia akan membenci maksiat yang berlaku di depan matanya. Kemudian jika hati tersebut penuh dengan sifat takwa, qanaah, sabar, syukur dan lain-lain lagi pendidikan akhlak kepada Allah SWT, hatinya akan memandu lidah dan tindakannya untuk memberi nasihat atau mengambil tindakan. Hadis ini dengan sendirinya bermaksud bahawa hati yang tidak mengambil kisah terhadap maksiat yang berlaku atau membenci maksiat tersebut, dia sebenarnya sedang mengalami kelemahan tahap iman teruk.

2.2.2 Meninggalkan perkara yang tidak berfaedah

Hati yang penuh dengan pendidikan akhlak kepada Allah SWT juga akan meninggalkan perkara yang tidak berfaedah kepada kehidupannya dan kehidupan akhiratnya. Ini adalah

kerana hatinya sudah rindu kepada Allah SWT selaku Pencipta sehingga tidak ada masa melainkan kepada melakukan sesuatu yang disukai-Nya dan apatah lagi untuk melakukan perkara yang dibencinya. Inilah yang dikatakan orang bijak sebagaimana yang terjelus pada hadis yang lalu dan disokong pula dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi (Al-Tarmidzi 1994: 142/4):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْينُهُ

"Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, "Rasulullah s.a.w. bersabda, sebaik-baik seorang Islam ialah seseorang yang meninggalkan sesuatu yang tidak memberi makna kepadanya."

(Al-Tirmidhi)

2.2.3 Berhati-hati dalam tindakan

Takwa dan muraqabah merupakan pendidikan akhlak kepada Allah SWT yang boleh menyebabkan seseorang yang memilikinya sentiasa membuat sesuatu tindakan dengan pemerhatian yang mendalam. Ini kerana dirinya memahami bahawa setiap tindakannya ada Allah SWT dan wakil-Nya yang memerhati dan mencatat segala percakapan dan tindakannya sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT sendiri,

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkan (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya). "

(Surah Qaf, 50:18)

Hatinya memahami bahawa Allah SWT bukan sahaja maha mengetahui tentang segala bisikan hatinya bahkan Dia sentiasa berada paling dekat memerhatikannya. Allah SWT berfirman,

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَنَعَلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya."

(Surah Qaf, 50:16)

Justeru, dia akan sentiasa berwaspada dalam tindakannya supaya tidak terjerumus kepada tindakan yang mendatangkan kemurkaan Allah SWT

2.2.4 Terpelihara daripada nafsu dan syaitan

Sikap tawakkal dan .khlis kepada Allah SWT mampu memelihara hati seseorang daripada godaan dan bisikan jahat yang sentiasa mencari peluang meracuni hati kepada maksiat. Allah S.W.T pernah mencentakan bagaimana cubaan syaitan dan nafsu untuk menyesatkan Nabi Yusuf tetapi kerana Baginda seorang yang ikhlas terhadap Allah SWT, Dia memeliharanya daripada terjemurums ke dalam kemaksiatan. Firman-Nya,

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِ^ط وَهَمَّ بِهَا لَوْلَا أَنْ رَأَى بُرْهَانَ رَبِّهِ^ع كَذَلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ السُّوءَ

وَالْفَحْشَاءَ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ ﴿١٢٤﴾

"Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Kalaulah dia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan Yusuf perkara yang tidak baik dan perbuatan keji, kerana sesungguhnya dia dari hamba-hambai Kami yang dibersihkan dari segala dosa.

(Surah Yusuf, 12:24)

Begitu juga dengan sikap tawakkal kepada Allah SWT apabila keluar mencari rezeki, sifat ini akan memelihara hati daripada bisikan dan hasutan syaitan. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabdanya (al- Tarmidzi, 1994: 270/5; Abu Daud, 1994: 503/2):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا خَرَجَ الرَّجُلُ مِنْ بَيْتِهِ فَقَالَ بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ قَالَ يُقَالُ حِينَئِذٍ هُدَيْتَ وَكُفَيْتَ وَوُقِيَتْ فَتَتَنَحَّى لَهُ الشَّيَاطِينُ فَيَقُولُ لَهُ شَيْطَانُ آخِرِ كَيْفَ لَكَ بِرَجُلٍ قَدْ هَدَيْتَ وَكُفَيْتَ وَوُقِيَتْ

Anas bin Malik bahwa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Jika seorang laki-laki keluar dari rumahnya lalu mengucapkan:

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

(Maksud: Dengan nama Allah aku bertawakkal kepada Allah, tidak ada daya dan kekuatan kecuali dengan izin Allah). '

Beliau bersabda: "Maka pada saat itu akan dikatakan kepadanya, 'Kamu telah mendapat petunjuk, telah diberi kecukupan dan mendapat penjagaan', hingga setan-setan menjauh darinya. Lalu setan yang lainnya berkata, "Bagaimana (engkau akan mengoda) seorang laki-laki yang telah mendapat petunjuk, kecukupan dan penjagaan."

(Al- Tarmidzi dan Abu Daud)

Sememangnya manusia periukan hidayah Allah SWT untuk memberikan pertunjukkan kepada jalan yang lurus. Justeru itu, pendidikan akhlak kepada Allah SWT seperti ikhlas dan tawakkal ini sudah memadai untuk menarik pertunjuk-Nya dalam kehidupan manusia.

2.2.5 Meningkatkan motivasi dalam beramal soleh

Pendidikan akhlak kepada Allah SWT merupakan asas penting untuk meningkatkan motivasi dalaman individu insan terhadap ama] soleh. Ikhlas melakukan sesuatu amalan contohnya boleh melipat gandakan keuntungan bukan sahaja dari segi pahala bahkan dari segi terlepas daripada malapetaka. Pahala kerana ikhlas ini dalam amalan terjelus sebagaimana hadis qudsi yang berbunyi (al-Bukhari 1994: 239/7; Muslim, 2001: 66/1),

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيَمَا يَرُوي عَنْ رَبِّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى قَالَ
إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَّ ذَلِكَ فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ
عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمَلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِ
مِائَةٍ ضَعْفٍ إِلَى أضعافٍ كَثِيرَةٍ وَإِنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً
وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمَلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً

"Daripada Ibnu Abbas r.a., daripada Rasulullah s.a.w. ketika menceritakan tentang Tuhannya yang berfirman, "Sesungguhnya Allah S. W. T. menulis semua kebaikan dan keburukan. Kemudian Baginda menerangkan (cara Allah S. W. T. menulis) tersebut: "Sesiapa yang ingin melakukan satu kebajikan tetapi tidak dilakukannya, Allah S. W. T. menulis kebajikan tersebut sebagai satu pahala yang sempurna. Jika sesiapa pula ingin melakukan kebajikan, kemudian dia mengamalkannya, Allah SWT menulis baginya 10 pahala sehingga 700 kali ganda bahkan sehingga berlipat-lipat kali ganda hanyaknya. Sedangkan sesiapa yang ingin melakukan kejahatan, tetapi dia tidak melakukannya, Allah S. W. T. menulis pula untuknya satu pahala penuh, jika dia ingin melakukan kejahatan itu, kemudian dia melakukannya, Allah S. W. T. menulis untuknya satu dosa."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Manakala peranan ikhlas dalam melepaskan diri dari malapetaka sebagaimana kisah tiga orang yang terperangkap di dalam gua yang berjaya melepaskan dirinya dengan mempersembahkan kepada Allah SWT amalan yang paling ikhlas sebagai syafaat terhadap untuk dibukakan mulut gua yang terperangkap dengan batu (Al-Bukhari, 1994: 177/4; Muslim, 2001: 1023/4).

2.2.6 Memancarkan sinar hati yang bersih

Perlakuan maksiat yang dilakukan oleh seseorang boleh menghitamkan hati sehingga menjadi kotor berkarat (Al-Ghazali, 1988). Namun pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui taubat sebagai pengimbang kepada hati yang dikotorkan oleh dosa. Taubat merupakan ramuan yang boleh membersihkan hati yang kotor dan Allah SWT sentiasa mahu menerima dan gembira untuk menerima taubat hambanya yang telah menyesal (Imam Muslim, 1981:61/17).

2.3 Pendidikan akhlak Kepada Allah SWT Melalui Perbuatan

Pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui perbuatan dan tindakan merupakan aspek terakhir yang sebenarnya cerminan kepada pendidikan akhlak Allah SWT melalui pemikiran dan hati. Kerana pemikiran yang mendalam memberi kesan kepada kemantapan iman yang

berada di dalam hati. Sedangkan hati yang mantap dengan keimanan pula mampu menggerakkan anggota badan kearah yang baik terutamanya dalam berakhlak kepada Allah SWT Ini kerana menurut al-Ghazali (1988), hati umpama raja bagi rakyatnya iaitu anggota badannya.

Sinar keimanan dalam hati apabila sudah wujud dengan sendirinya akan mendorong diri insan bersegera kepada kebaikan lagi bersungguh-sungguh dalam melaksanakannya. Apatah lagi jika umurnya telah menjangkau 40-an, sudah tentu dia menambahkan usahanya bagi meningkatkan amalan sebelum menemui Tuhannya.

Usaha utama dalam membangunkan pendidikan akhlak kepada Allah SWT ini ialah usaha mengikuti sunah-sunah Rasulullah s.a.w. dalam kehidupan seharian. Ini adalah kerana cara hidup baginda merupakan cara hidup yang disukai dan dicintai oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya,

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا



"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."

(Surah Al-Ahzab, 33:21)

Firman Allah SWT ini menegaskan bagaimana Rasulullah s.a.w. diiktiraf terbaik cara hidupnya dan orang yang benar-benar ingin mencari keredaaan Allah SWT atau orang yang berakhlak kepada-Nya sudah tentu akan menjadikan kehidupannya mengikut cara kehidupan orang yang dicintai-Nya.

3.0 KESIMPULAN

Tiga aspek pendidikan akhlak kepada Allah SWT merupakan rangkuman yang bersatu jitu untuk kemantapan keimanan individu insan terutama dalam era pasca modenism yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui hati berperanan untuk menumpukan pemikiran kepada penciptaan untuk mencari kebenaran dalam kehidupan di dunia terutamanya tentang Pencipta itu sendiri. Usaha menanamkan pendidikan akhlak kepada Allah SWT melalui hati di samping cerapan pemikiran pula mampu membangkitkan keimanan yang mendalam. Ini kerana hati yang terbangkit sepenuhnya dengan pendidikan akhlak ini menyerlahkan cahaya iman yang mantap untuk membentuk tindakan dan kelakuan manusia beriman yang memberi manfaat kepada diri, ahli keluarga, masyarakat dan umat Islam.

4.0 RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1982). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran.* " Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Daud (1994). *Sunan Abi Baud.* Bairut: Dar al-Fikr. Jii. 2.
- Al-Bukhari (1994). *Sabih Al-Bukhari.* Beirut: Jii. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah. Jilid 1-5.

- Al-Bukhari (1994). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Jii. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah.
- Al-Bustani, Fuad Afram, (1956). *Munjid al-Tullab*. Bairut: Dar al-Masriq.
- Al-Ghazali (1988). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kuala Lumpur: Victory Ajensi. Jii. 1-8.
- Al-Nasa'i, (1930). *Sunan al-Nasa 7 bi Sharh al-Hqfiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiyah al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi (1983). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Bukhari (1994). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Jii. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah.
- Al-Tarmidzi (1994). *Sunan al-Tarmidzi*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 1-5. Ibnu Majah (1954). *Sunan Ibnu Majah*. Mesir: Dar al-Fikr. Jilid 1-2.
- Kamarul Azmi Jasmi (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Tesis Sarjana.
- Kamarul Azmi B. Jasmi, Azmi Shah Suratman, Prof. Madya Aminuddin Ruskam, Ahmad Kilani Mohamed & Zulkefli b. Harun (2003). *Pengaruh Pemikiran al-Imam al-Nawawi Di Kalangan Guru-guru Takmir Di Negeri Johor*. Johor Baharu: UTM. Penyelidikan Vote 71873
- Mohd Saleh b. Lebar (1999). *Asas Psikologi Perkembangan*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muslim (1981). *Sahih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*. Bairut: Dar al-Fikr.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Mustafa Said Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Al-Ustaz Mahyuddin Mustawin, Al-Ustaz Ali Al-Syirbiji dan Al-Ustaz Muhammad Amin Lutfi, (1992). *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bairut: Mu'assah al-Risalah. Juzuk 1-2.
- Mustafa Said Al-Khin. *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bairut: Mu'assah al-Risalah. Juzuk 1-2.